

PERATURAN MAKTAB BAGI PELAJAR-PELAJAR MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)

1.0 TATATERTIB

- 1.1 Setiap pelajar hendaklah mematuhi setiap peraturan yang terkandung di dalam Buku Panduan ini dan juga mana-mana peraturan yang dikeluarkan oleh Maktab dari masa ke masa melalui Pekeliling Maktab/Asrama.
- 1.2 Setiap pelajar hendaklah mematuhi setiap peraturan yang dikeluarkan oleh MARA, Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan mana-mana pihak berwajib yang ada hubungan dengan Maktab.
- 1.3 Setiap pelajar hendaklah pada setiap masa menghormati Pengetua, Timbalan Pengetua, Guru-Guru, Kakitangan Maktab, Badan Wakil Pelajar, Lembaga Disiplin Pelajar dan hormat menghormati sesama sendiri.
- 1.4 Setiap pelajar tidak boleh berkelakuan secara yang dianggap ingkar perintah Maktab, Pentadbiran, Guru-Guru, Kakitangan, Badan Wakil Pelajar, Lembaga Disiplin Pelajar atau mana-mana pihak yang diberi kuasa berbuat demikian oleh Pengetua.
- 1.5 Setiap pelajar tidak boleh berkelakuan dengan cara yang ditakrif atau dianggap sebagai:
 - 1.5.1 Mencemarkan nama baik Maktab.
 - 1.5.2 Mencemarkan nama baik mana-mana individu.
 - 1.5.3 Melakukan perbuatan vandalisma terhadap sama ada harta Maktab atau harta orang perseorangan.
 - 1.5.4 Mengganggu ketenteraman dan perpaduan Maktab.
 - 1.5.5 Menimbulkan kegelisahan, persengketaan di kalangan pelajar atau kakitangan Maktab.
 - 1.5.6 Melakukan perbuatan menghina mana-mana individu.
 - 1.5.7 Melakukan perbuatan menyiksa atau mengugut mana-mana individu.
 - 1.5.8 Berkelakuan tidak senonoh atau tidak bersopan kepada Pengetua, Timbalan Pengetua, Ketua Guru Asrama, Guru-Guru, Kakitangan Maktab dan Badan Kepimpinan Pelajar.
- 1.6 Setiap pelajar hendaklah menumpukan perhatian terhadap pelajaran secara bersungguh-sungguh.
- 1.7 Setiap pelajar hendaklah menyertai semua kegiatan yang diarahkan oleh Maktab sama ada bercorak akademik atau kokurikulum.
- 1.8 Tiada seorang pelajar pun dibenarkan keluar daripada kawasan Maktab tanpa kebenaran.
- 1.9 Setiap pelajar hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej Maktab dengan menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum dan sahsiah.

2.0 PERATURAN PAKAIAN PELAJAR MAKTAB

2.1 PERATURAN PAKAIAN PELAJAR LELAKI

- 2.1.1 Baju Kemeja / Baju T-Shirt
 - a) Baju kemeja berkolah potongan biasa sama ada berlengan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolah, baju T sukan atau seumpamanya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja.
 - b) Baju kemeja hendaklah disisipkan ke dalam seluar.
 - c) Jika memakai baju lengan panjang pelajar mesti mengenakan butang atau jika ingin menggulungnya, ia mestilah melepasi paras siku.
 - d) Baju lengan pendek hendaklah tidak melebihi paras siku.
 - e) Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan. Baju panas (sweater) dibenarkan dalam keadaan tertentu sahaja.
 - f) Kemeja Hawaii dan Kemeja/Baju "T" tanpa lengan dan/atau tidak berkolah tidak dibenarkan.
 - g) Baju atau pakaian yang bertulis atau mengandungi gambar orang seperti penyanyi, penghibur, ahli sukan atau gambar yang tidak senonoh adalah dilarang sama sekali.

- 2.1.2 Seluar
- Kain seluar 'slack' yang dibenarkan ialah dari jenis kain yang sesuai. Kain jenis denim, PVC, 'Corduroy' atau kulit tidak dibenarkan.
 - Pemakaian semua jenis 'jeans' dan 'cotton slacks' tidak dibenarkan bukan sahaja dalam waktu kelas akademik tetapi juga lain-lain waktu persekolahan sama ada di dalam mahupun di luar kampus.
 - Seluar hendaklah berfesyen sederhana. Fesyen seluar terlalu longgar (baggy), terlalu ketat, berkaki singkat, terlalu kecil kakinya atau jenis 'bellbottom' tidak dibenarkan. Paras kaki seluar hendaklah melepasi bawah buku lali dan ukurlilit kaki seluar di antara 35cm – 45cm.
 - Butang seluar adalah jenis biasa, bukan jenis besi.
- 2.1.3 Tali Pinggang
- Bagi para pelajar yang memakai tali pinggang, lebarnya hendaklah di antara 2-3 cm.
 - Tali pinggang yang dipakai mesti berwarna gelap (hitam/coklat tua). Tali pinggang yang berwarna warni dan berbelang tidak dibenarkan.
 - Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang-lambang yang tidak sesuai seperti lambang binatang atau tulisan perkataan yang tidak sesuai dan tidak bermoral.
- 2.1.4 Barang Kemas
- Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai sebarang barang kemas.
- 2.1.5 Kasut dan Sarung Kaki
- Hanya kasut kulit/PVC tertutup yang keseluruhannya berwarna hitam dibenarkan.
 - Pemakaian sarung kaki diwajibkan. Panjang sarung kaki hendaklah menutupi buku lali.
 - Sarung kaki yang dipakai mesti berwarna hitam.
 - Sebarang jenis selipar (selain daripada sandal) adalah untuk kegunaan dalam asrama sahaja.
 - Sandal bertali boleh dipakai untuk kegunaan luar daripada kelas persediaan petang dan luar waktu akademik di dalam kawasan maktab (selain daripada asrama).
- 2.1.6 Tali Leher
- Tali leher dipakai mestilah tali leher rasmi Maktab.
 - Tali leher dipakai di kelas dan upacara rasmi Maktab seperti perhimpunan, jumpa guru, berada di blok pentadbiran pada waktu persekolahan, majlis makan rasmi dan lain-lain aktiviti rasmi.
- 2.1.7 Tanda Nama (Name Tag)
- Tanda nama hendaklah sentiasa dipakai semasa kelas akademik dan upacara rasmi Maktab.
 - Tanda nama tidak boleh ditukar ganti dengan kawan.
 - Tanda nama tidak boleh diubahsuai atau diconteng.
 - Tanda nama tidak boleh mempunyai nama dalam bentuk samaran.
- 2.1.8 Songkok
- Hanya songkok warna hitam dibenarkan (untuk kegunaan majlis rasmi dan menunaikan solat Jumaat).
 - Kopiah dan serban tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan menunaikan solat.

2.2 PERATURAN PAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN

2.2.1 Baju, Kain dan Seluar

- a) Pelajar hanya dibenarkan memakai baju kurung untuk ke kawasan akademik dan pentadbiran. Semasa hari persekolahan, pelajar diwajibkan memakai pakaian maktab atau persatuan / kelab (pada hari tertentu).
- b) Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berleungan serta skirt labuh melebihi paras lutut.
- c) Jenis pakaian yang dibenarkan ialah baju kurung yang bergaya sederhana/'blouse' lengan panjang beserta kain menutup buku lali.
- d) Baju dan kain hendaklah tidak jarang, tidak ketat dan tidak mencolok mata. Pelajar diwajibkan untuk memakai kain dalam.
- e) Baju "T" dan sebarang jenis baju tanpa lengan tidak dibenarkan.
- f) Pemakaian semua jenis seluar dan baju 'jeans' dan 'cotton slacks' tidak dibenarkan bukan sahaja dalam waktu kelas akademik tetapi juga lain-lain waktu persekolahan sama ada di dalam mahupun di luar kampus.
- g) Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan. Baju panas (sweater) dibenarkan dalam keadaan tertentu sahaja contohnya keadaan terlampau sejuk. Baju panas tidak boleh digunakan untuk menutup sebarang jenis pakaian yang tidak dibenarkan.

2.2.2 Tudung Kepala

- a) Tudung kepala yang tidak bersulam diwajibkan bagi kesemua pelajar perempuan muslim.
- b) Pelajar muslim diwajibkan untuk memakai anak tudung dan ia mesti berwarna putih.
- c) Tudung mestilah berwarna putih sahaja. Tudung warna lain tidak dibenarkan.
- d) Tudung hendaklah tidak jarang dan tidak bercorak serta menutup bahagian dada.
- e) Bahagian hadapan tudung mestilah berjahit.

2.2.3 Tanda Nama (Name Tag)

Sama seperti para 2.1.7

2.2.4 Kasut dan Sarung Kaki

- a) Kasut kulit/PVC tertutup berwarna hitam sahaja dibenarkan.
- b) Sarung kaki wajib dipakai kecuali semasa berada di asrama puteri. Sarung kaki perlu berwarna hitam.
- c) Kasut hendaklah jenis yang disarung dan bukan jenis selipar atau sandal.
- d) Ketinggian tumit tidak melebihi 1 inci.
- e) Kasut yang bergaya dan berwarna warni tidak dibenarkan.

2.2.5 Barang Kemas

Pelajar perempuan tidak dibenarkan memakai sebarang bentuk perhiasan diri.

2.2.6 Alat Kosmetik / Solek

Tidak dibenarkan.

2.3 PAKAIAN LARANGAN

Pada bila-bila masa di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai/memiliki/menyimpan pakaian seperti berikut:

- a) Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai mencolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan raut anggota sebagai tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai 'seksi' atau bertentangan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat.
- b) Baju atau pakaian yang ada gambar orang atau kumpulan seorang penyanyi, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya atau gambar-gambar lucu atau gambar-

gambar yang bertentangan dengan akidah Islam atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan negara.

- c) Baju atau pakaian yang tertulis dengan tulisan atau lakaran lucu, ganas, atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan negara.
- d) Semua jenis 'jeans' dan 'cotton slacks'.
- e) Tali pinggang berkepala besar, 'rugged', berwarna warni dengan tulisan atau lakaran atau reka bentuk binatang, lucu, ganas dan sebagainya.
- f) Berlenggeng (tidak memakai baju), memakai baju yang menampakkan pusat, berkemban, memakai tuala mandi sahaja dan berkaki ayam. Baju yang terlampau kecil juga tidak dibenarkan.
- g) Memakai sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai/tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.
- h) Memakai baju T tidak berkolar.
- i) Memakai baju yang menyerupai tentera, polis atau agensi-agensi keselamatan lain.
- j) Memakai pakaian yang selekeh, kotor, koyak, berbau busuk atau bertampal.

3.0 PERATURAN PAKAIAN UNTUK SETIAP AKTIVITI MAKTAB

- 3.1 Pakaian hendaklah sentiasa mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan, bersih serta kemas. Syarat-syarat pakaian bagi setiap aktiviti adalah seperti berikut:

AKTIVITI	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
Kelas Akademik (Isnin-Khamis)	Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'beige' muda dan seluar panjang berwarna coklat atau baju kemeja berlengan panjang berwarna biru muda dan seluar panjang berwarna biru tua. Pakaian Badan Beruniform pada hari Rabu. Pakaian Batik Rasmi Maktab pada hari Khamis. Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam dan memakai tanda nama. Bertali leher maktab. Tali pinggang berwarna gelap (hitam / coklat). Lebarnya 2.5 – 3cm dan berkepala kecil. Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.	Baju kurung berwarna 'beige' muda dan kain kurung berwarna coklat atau baju kurung berwarna biru muda dan kain kurung berwarna biru tua. Pakaian Badan Beruniform pada hari Rabu. Pakaian Batik Rasmi Maktab pada hari Khamis. Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam dan memakai tanda nama. Bagi yang bertudung, tudung hendaklah berwarna putih dan berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan. Bagi yang tidak bertudung, hanya getah atau aksesori rambut yang tidak keterlaluan dan berwarna putih, hitam atau biru gelap sahaja yang dibenarkan.
Waktu Perhimpunan dan Upacara Rasmi	Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'beige' muda dan seluar panjang berwarna coklat. Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam dan memakai tanda nama. Bertali leher maktab. Tali pinggang berwarna gelap (hitam / coklat). Lebarnya 2.5 – 3cm dan berkepala kecil. Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.	Baju kurung berwarna 'beige' muda dan kain kurung berwarna coklat. Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam dan memakai tanda nama. Bagi yang bertudung, tudung hendaklah berwarna putih dan berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.

AKTIVITI	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
Keluar ke Bandar / Balik Cuti / Pulang Dari Cuti / Lawatan	Pakaian Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab atau Baju T Rasmi Maktab dan berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam dan memakai tanda nama.	Baju Kurung Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab dan Berkasut Kulit / PVC hitam berstoking dan memakai tanda nama.
Kelas Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (Praktikal)	'Track bottom' warna hitam / biru gelap. Baju PJ yang ditetapkan berkasut sukan (tidak lebih daripada 3 kombinasi warna dan berstoking.	'Track bottom' warna hitam / biru gelap. Baju PJ yang ditetapkan berkasut sukan (tidak lebih daripada 3 kombinasi warna dan berstoking.
Badan Uniform, Kelab / Persatuan	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.
Sukan & Permainan	Seluar sukan/track bottom warna gelap dan T-Shirt putih atau T-Shirt rumah sukan. T-Shirt perlu berkolar , berlengan pendek dan disisip ke dalam seluar. Berkasut sukan yang bersesuaian.	Seluar sukan/track bottom warna gelap dan T-Shirt putih atau T-Shirt rumah sukan. T-Shirt perlu berlengan panjang dan berkasut sukan yang bersesuaian.
Kerja Luar Mengikut Guru	Pakaian yang tidak melanggar peraturan maktab dan mesti mendapat kelulusan daripada Pengetua/Timbalan Pengetua terlebih dahulu.	Pakaian yang tidak melanggar peraturan maktab dan mesti mendapat kelulusan daripada Pengetua/Timbalan Pengetua terlebih dahulu.
Kelas Persediaan Petang (Isnin-Jumaat)	Pakaian rasmi maktab.	Pakaian rasmi maktab.
Kelas Persediaan Malam	Baju Melayu sepasang. Memakai sandal, selipar tidak dibenarkan.	Baju Kurung/pakaian yang kemas. Bersandal dan memakai stoking.
Kelas Persediaan Pagi (Sabtu)	Baju kemeja dan berseluar slack. Baju mesti disisip dalam seluar. Berkasut / sandal.	Baju Kurung/pakaian yang kemas. Bersandal dan memakai stoking.
Bersukan / Riadah	Pakaian Sukan: Seluar track panjang berwarna gelap. Berkasut sukan.	Pakaian Sukan: Seluar track dan baju T lengan panjang. Berkasut sukan.
Hari Jumaat / Sembahyang Jumaat	Baju Melayu rasmi maktab, berbutang, bersamping rasmi maktab, bersongkok hitam dan berkasut / sandal.	Baju kurung berwarna 'beige' dan kain sarung maktab (petak), bertudung putih dan berkasut.
Majlis / Jamuan Rasmi	Baju Melayu lengkap / pakaian rasmi maktab / batik maktab. Berkasut hitam dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.	Baju Kurung / pakaian rasmi maktab / Baju batik maktab. Berkasut dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.

AKTIVITI	PELAJAR LELAKI	PELAJAR PEREMPUAN
Sembahyang di Surau dan Majlis Agama	Baju Melayu sepasang dan berbutang serta bersongkok hitam (untuk majlis rasmi). Untuk solat waktu dibenarkan untuk berkopiah. Kain pelikat hanya dibenarkan pada hari cuti sahaja.	Telekung berwarna putih jenis kain kapas sahaja / pakaian tutup aurat, kemas dan sesuai dengan majlis.
Sebarang Aktiviti / Masa di Kawasan Akademik	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.
Dewan Selera	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas. Malam / Hujung Minggu / Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas. Malam / Hujung Minggu / Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.

4.0 RUPADIRI PELAJAR

4.1 PELAJAR LELAKI

4.1.1 Rambut

- a) Rambut mestilah sentiasa pendek, tidak tebal dan tidak mencecah kolar baju.
- b) Rambut mestilah bersih dan disikat.
- c) Membotakkan kepala tidak dibenarkan.
- d) Stail rambut yang keterlaluan seperti *punk*, *Trojan*, *skin head*, *bross'* dan lain-lain tidak dibenarkan.
- e) Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan.
- f) Menggunakan gel, pengeras rambut atau minyak rambut yang berbau tengik tidak dibenarkan.

4.1.2 Misai, Janggut dan Jambang

- a) Menyimpan misai dan janggut tidak dibenarkan.

4.1.3 Cermin Mata Hitam / Kanta Lepak

- a) Tidak dibenarkan memakai kanta lekap yang berwarna.
- b) Memakai cermin mata hitam/gelap di dalam kawasan maktab tidak dibenarkan.

4.1.4 Kuku

- a) Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- b) Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
- c) Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

4.1.5 Pemakaian Aksesori / Barang Kemas

- a) Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambing keagamaan tidak dibenarkan.
- b) Bertindik, bertatu dan berinai tidak dibenarkan.

4.2 PELAJAR PEREMPUAN

4.2.1 Rambut

- a) Rambut hendaklah pendek, jika panjang mestilah diikat/didandan dengan riben putih, hitam atau biru.
- b) Rambut tidak boleh menutupi bahagian muka.
- c) Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan.
- d) Rambut mesti kemas dan bersih.

4.2.2 Muka

- a) Memakai alat solek seperti gincu, celak dan lain-lain tidak dibenarkan.
- b) Mencukur bulu kening atau mencabutnya tidak dibenarkan.

4.2.3 Cermin Mata Hitam / Kanta Lepak

- a) Tidak dibenarkan memakai kanta lekap yang berwarna.
- b) Memakai cermin mata hitam/gelap di dalam kawasan Maktab tidak dibenarkan.

4.2.4 Kuku

- a) Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- b) Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
- c) Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

4.2.5 Pemakaian Aksesori / Barang Kemas

- a) Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambing keagamaan tidak dibenarkan.
- b) Bertindik, bertatu dan berinai tidak dibenarkan.

5.0 PERATURAN KE KELAS AKADEMIK

- 5.1 Kesemua pelajar perlu mengosongkan bilik asrama pada jam 7.15 pagi. Pemeriksaan bilik akan dijalaankan. Roll Call pagi bermula 7.20 pagi.
- 5.2 Pakaian hendaklah kemas dan lengkap seperti tanda nama dan tali leher mesti sentiasa dipakai.
- 5.3 Pelajar dikehendaki beratur dan senyap apabila masuk ke kelas masing-masing.
- 5.4 Para pelajar dilarang membuang sampah merata-rata.
- 5.5 Pelajar sesebuah kelas adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keselamatan kelasnya.
- 5.6 Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada bila-bila masa waktu akademik, termasuk waktu rehat.
- 5.7 Sekiranya sakit/tidak sihat, kebenaran perlu diperolehi daripada Kaunselor untuk pergi ke Hospital. Pelajar yang mendapat sijil sakit sahaja dibenarkan berehat di bilik sakit (sick bay).

6.0 PERATURAN KELAS PERSEDIAAN (PREP)

- 6.1 Kesemua pelajar mesti hadir kelas persediaan.
- 6.2 Waktu kelas persediaan:

Isnin – Jumaat	:	3.15 petang – 4.30 petang
	:	8.45 malam – 10.45 malam
Sabtu	:	8.30 pagi – 10.30 pagi

- 6.3 Para pelajar perlu berada di tempat kelas persediaan masing-masing tepat pada masa seperti di atas.
- 6.4 Pelajar dilarang mengganggu suasana belajar di kawasan akademik semasa kelas persediaan berjalan. Merayau-rayau, membuat bising dan bermain-main dilarang sama sekali.

- 6.5 Untuk kelas persediaan malam, pelajar diberikan masa 15 minit untuk sebarang persiapan. Selepas itu, ia adalah waktu 'Zon Senyap'.
- 6.6 Pelajar dilarang membawa dan menggunakan telefon bimbit, radio transistor, kaset, Walkman, MP3 dan pemain cakera padat/digital.
- 6.7 Membaca majalah atau lain-lain bahan bacaan bukan akademik juga ditegah.
- 6.8 Kelas persediaan adalah di kelas / tempat seperti yang ditetapkan. Para pelajar tidak dibenarkan berada di asrama, surau atau lain-lain tempat.
- 6.9 Aktiviti-aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang jenis perjumpaan tidak boleh diadakan pada waktu kelas persediaan kecuali mendapat kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua / Ketua Guru Asrama.
- 6.10 Pakaian semasa kelas persediaan adalah tertakluk kepada kod pakaian yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.
- 6.11 Pelajar yang sakit perlu mendapat kebenaran dari Ketua Guru Asrama / Guru Asrama untuk berehat di Bilik Sakit.
- 6.12 Pelajar lelaki dan perempuan dilarang belajar / berada berdua-duaan atau berpasang-pasangan dalam satu bilik yang sama pada bila-bila masa kecuali dengan kehadiran guru.
- 6.13 Pelajar-pelajar yang ada urusan dengan guru-guru tertentu semasa kelas persediaan boleh pergi berjumpa guru berkenaan setelah memberitahu Lembaga Disiplin Pelajar atau Presiden Kelas.
- 6.14 Elakkan pembaziran tenaga elektrik. Gunakan lampu dan kipas mengikut bilangan yang berpatutan.
- 6.15 Pelajar tidak dibenarkan berada di bangunan akademik selepas jam 11 malam kecuali bersama guru dan mendapat kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua PP dan dimaklumkan kepada Guru Asrama.

7.0 PERATURAN KELUAR & MASUK MAKTAB

7.1 PERATURAN MELAWAT ANAK

7.1.1 Masa melawat adalah seperti berikut :

Hari	Masa Melawat
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	10.30 pagi – 6.30 petang

- 7.1.2 Pelawat **tidak dibenarkan melawat** selain dari hari-hari di atas kecuali ada kecemasan.
- 7.1.3 Pelawat dilarang ke bilik / asrama untuk berjumpa dengan pelajar.
- 7.1.4 Ahli keluarga pelajar dikehendaki menunjukkan dan meletakkan dan meletakkan Kad Pelawat di Pondok Pengawal serta memakai Pas Pelawat untuk membuktikan mereka adalah benar-benar keluarga pelajar tersebut.
- 7.1.5 Ibumama ditegah datang sebelum waktu dibenarkan.
- 7.1.6 Pelawat yang ingin berjumpa anak perlu pergi ke Bilik PA Sistem di Pusat Pelajar dan maklumkan perkara berkenaan kepada petugas yang berada disitu.
- 7.1.7 Pelawat boleh menunggu di Dewan Selera atau di tempat letak kenderaan BUKAN di kawasan dalam asrama.
- 7.1.8 Ibumama dilarang makan dan minum di persekitaran Surau maktab sebaliknya gunakan kemudahan meja Dewan Selera sedia ada.
- 7.1.9 Segala sampah dan sisa makanan hendaklah dibuang di bakul sampah yang disediakan.
- 7.1.10 Pelawat hendaklah menyerahkan Pas Pelawat dan mengambil semula Kad Pelawat di Pondok Pengawal apabila urusan selesai.
- 7.1.11 Selepas pukul 6.30 petang, palang pondok pengawal akan ditutup. Sebarang kenderaan penjaga dan awam tidak dibenarkan masuk ke dalam maktab.
- 7.1.12 Ibumama / penjaga / saudara atau sesiapa sahaja tidak dibenarkan untuk melawat pada waktu lain dari yang ditetapkan. Sekiranya ada pesanan barangan atau wang, ia bolehlah ditinggalkan di pondok pengawal. Sila isi boring pesanan dalam 2 salinan (satu Salinan untuk simpanan pelawat sebagai bukti). Pengawal akan menyampaikan pesanan tersebut kepada Ketua Guru Asrama atau TP PP.

7.2 PERATURAN KELUAR KE BANDAR ATAU PEKAN

7.2.1 Jadual keluar ke Bandar / Pekan :

Hari	Masa
Sabtu, Ahad & Hari Kelepasan Am	10.30 pagi – 6.30 petang

7.2.2 Jadual Guru Asrama bertugas di Bilik Gerakan Guru Asrama :

Hari	Masa
Sabtu & Ahad	10.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.00 petang

7.2.3 Keluar ke Bandar (tanpa penjaga) dibuat secara giliran pelajar putera dan pelajar puteri. Pelajar hanya dibenarkan keluar sekali dalam masa dua minggu. Walau bagaimanapun tertakluk kepada keputusan mesyuarat guru asrama.

7.2.4 Keluar ke pekan tanpa keluarga hanya dibenarkan pada hari Sabtu sahaja (mengikut jadual yang ditetapkan).

7.2.5 Pelajar hanya dibenarkan keluar ke Pekan Kampung Gajah, kecuali bersama keluarga.

7.2.6 Pelajar mestilah memakai Pakaian Seragam Maktab, Baju Batik Rasmi atau Baju T-Shirt Rasmi Maktab. Semasa di bandar pelajar tidak dibenarkan menukar baju yang ditentukan oleh maktab. Oleh itu, baju t-shirt tidak dibenarkan dipakai sekalipun sebagai baju dalam kecuali baju singlet.

7.2.7 Pelajar dikehendaki menyerahkan Kad Keluar Maktab yang telah diisi lengkap dan telah ditandatangani oleh Guru Asrama bertugas di Pondok Pengawal.

7.2.8 Pastikan masa pulang ke maktab tidak lewat 6.30 petang dan pelajar dikehendaki mengambil semua Kad Keluar Maktab serta pastikan masa pulang ditulis oleh pengawal bertugas. Tindakan boleh dikenakan terhadap pelajar yang tidak mengambil semula Kad Keluar Maktab.

7.2.9 Keluar dan kembali semula ke maktab hendaklah dengan pakaian yang ditetapkan dalam 7.2.6.

7.2.10 Palang di pondok pengawal akan ditutup pada pukul 6.30 petang. Selepas itu, kenderaan penjaga tidak dibenarkan masuk. Pelajar dikehendaki berjalan ke asrama. Kad Outing akan ditahan.

7.3 PULANG BERMALAM

7.3.1 Maksud pulang bermalam di sini ialah pulang pada tarikh-tarikh yang ditentukan oleh pihak maktab. Pelajar **tidak dibenarkan pulang** bermalam di waktu lain kecuali hal-hal kecemasan. Pulang bermalam di waktu lain dengan alasan remeh-temeh seperti kenduri / potong rambut tidak dilayan.

7.3.2 Kebenaran **pulang sendiri** untuk bermalam akan diizinkan dengan beberapa syarat :

- Permohonan bertulis melalui faks atau pos daripada ibubapa / penjaga. Bayaran RM 1.00 akan dikenakan setiap helaian faks yang didaftar.
- Permohonan tersebut hendaklah sampai ke maktab selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh balik.
- Permohonan lewat atau melalui telefon atau surat yang dibawa anak sendiri tidak dilayan.
- Surat tersebut perlu mendapat tandatangan pengesahan guru asrama bertugas / Timbalan Pengetua PP.
- Pelajar dikehendaki menyerahkan Kad Keluar Maktab yang telah ditandatangani oleh guru asrama bertugas dan diserahkan di Pondok Pengawal.
- Keselamatan pelajar semasa dalam perjalanan pulang adalah tanggungjawab ibubapa / penjaga pelajar itu sendiri.
- Pelajar dikehendaki kembali semula ke asrama hari yang ditetapkan sebelum 6.30 petang.
- Pulang dan kembali semula ke maktab hendaklah berpakaian baju rasmi atau yang ditentukan oleh pihak maktab.
- Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pelajar sendiri.

- 7.3.3 Pulang bermalam dengan menaiki kenderaan waris atau kereta penjaga / ibubapa rakan perlu ada surat kebenaran daripada penjaga / ibubapa pelajar itu sendiri.
- 7.3.4 Pulang bermalam **di hujung minggu tidak dibenarkan**, kecuali hal-hal kecemasan. **Permohonan secara bertulis diperlukan** untuk dipertimbangkan, sama ada pulang secara sendirian atau dijemput oleh pihak ibubapa / penjaga. Kelulusan hanya boleh dibuat oleh Ketua Guru Asrama atau Timbalan Pengetua PP.
- 7.3.5 **Maksud balik kerana urusan kecemasan** ialah kerana ada kematian, kemalagan, sakit tenat sebarang ahli keluarga terdekat. Pulang waktu akademik memerlukan kebenaran daripada Timbalan Pengetua atau Pengetua, manakala di luar waktu pejabat pula kebenaran daripada guru asrama bertugas atau Ketua Guru Asrama. Bukti hendaklah disertakan sama ada melalui telegram, telefon atau kehadiran penjaga menjemput.
- 7.3.6 Palang di pondok pengawal akan ditutup pada pukul 6.30 petang. Selepas itu, kenderaan penjaga tidak dibenarkan masuk. Pelajar dikehendaki berjalan kaki ke asrama. Kad kebenaran keluar akan ditahan.

7.4 PULANG BERMALAM HUJUNG SEMESTER

- 7.4.1 Kesemua pelajar dikehendaki balik untuk cuti semester. Namun, permohonan bertulis mesti diserahkan untuk rujukan pihak Guru Asrama.
- 7.4.2 Urusan baik bercuti dan pulang semula ke maktab adalah urusan ibubapa / penjaga atau pelajar sendiri. Pihak maktab **tidak** menyediakan kenderaan bagi tujuan berkenaan.
- 7.4.3 Para pelajar yang menggunakan kenderaan awam boleh simpan **keratin tiket** untuk diserahkan di pejabat pentadbiran maktab bagi tujuan tuntutan tambang. Tuntutan yang dibenarkan ialah tambang yang terendah.
- 7.4.4 Keselamatan pelajar semasa dalam perjalanan pulang adalah tanggungjawab ibubapa / penjaga pelajar itu sendiri. Para pelajar dikehendaki terus balik ke rumah masing-masing, bukan ke lain-lain tempat.
- 7.4.5 Para pelajar dibenarkan keluar dari kawasan maktab hanya pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak maktab.
- 7.4.6 Sebelum balik, Kad Keluar Maktab **mesti** diserahkan pada Pengawal di Pondok Pengawal.
- 7.4.7 Para pelajar perlu pulang ke Maktab pada hari terakhir cuti semester sebelum jam 6.30 petang. Pelajar dikehendaki mengambil semula Kad Keluar Maktab serta pastikan masa pulang ditulis oleh pengawal bertugas. Tindakan boleh diambil terhadap pelajar yang gagal berbuat demikian.
- 7.4.8 Para pelajar perlu berpakaian baju Maktab sama ada untuk balik bercuti atau semasa pulang ke Maktab setelah tamat bercuti.
- 7.4.9 Palang di pondok pengawal akan ditutup pada pukul 6.30 petang. Selepas itu, kenderaan penjaga tidak dibenarkan masuk. Pelajar dikehendaki berjalan kaki ke asrama. Kad kebenaran keluar akan ditahan.

7.5 PERATURAN KELUAR SEMBAHYANG JUMAAT

- 7.5.1 Untuk keluar bagi tujuan ini, Kad Keluar Maktab tidak perlu diguna. Para pelajar dikehendaki terus pergi ke masjid tanpa memesong ke lain-lain tempat. Bas akan disediakan untuk ke masjid.
- 7.5.2 Kesemua pelajar mesti memakai pakaian yang telah ditetapkan dengan lengkap: Baju Melayu Rasmi Maktab (putih), Bersampin Rasmi Maktab, Baju Berbutang, Bersongkok Hitam dan memakai sandal. Selipar jepun ditegah penggunaannya.
- 7.5.3 Para pelajar perlu terus pulang ke maktab setelah selesai sembahyang Jumaat. Pelajar tidak dibenarkan pergi ke tempat-tempat lain untuk makan, minum, beli barang dan sebagainya.
- 7.5.4 Para pelajar perlu sentiasa berkelakuan baik dan tidak melakukan sesuatu yang boleh menjatuhkan nama maktab.

7.6 PERATURAN LAWATAN / AKTIVITI LUAR : HOMEROOM / KELAS / KELAB / PERSATUAN

- 7.6.1 Lawatan / Aktiviti luar yang dimaksudkan ialah :
- Lawatan Sambal Belajar
 - Lawatan Riadah
 - Lawatan ke Rumah Guru
 - Perkhemahan / Berkelah / Rekreasi
 - Kajian Luar
 - Kerja-kerja Bakti / Kebajikan
 - Menghadiri Kursus / Ceramah
 - Menyertai Pertandingan Sukan / Aktiviti Kokurikulum di Luar Maktab
- 7.6.2 Bagi setiap aktiviti di atas permohonan perlu dibuat dengan mengisi borang 'Permohonan Mengadakan Lawatan' yang boleh diperolehi di Pejabat Maktab.
- 7.6.3 Borang berkenaan perlu diisi dalam 4 salinan dan diberikan kepada pihak-pihak berkenaan seperti yang tercatat di borang tersebut.
- 7.6.4 Kelulusan membuat lawatan / aktiviti luar perlu diperolehi daripada Pengetua atau Timbalan Pengetua PP.
- 7.6.5 Permohonan perlu dibuat sekurang-kurangnya 1 minggu daripada tarikh lawatan.
- 7.6.6 Setiap lawatan / aktiviti luar mesti diketuai oleh seorang Ketua Guru Pengiring yang bertanggungjawab terhadap segala urusan berkenaan dengan lawatan / aktiviti yang akan diadakan.
- 7.6.7 Kesemua lawatan / aktiviti luar mesti mempunyai guru pengiring dengan kadar 1:10 (1 orang guru 10 orang pelajar) bagi lawatan / aktiviti yang berisiko tinggi dan kadar 1:15 (1 orang guru 15 orang pelajar) bagi lawatan / aktiviti yang kurang berisiko tinggi.
- 7.6.8 Guru Pengiring perempuan perlu ada sekiranya lawatan / aktiviti melibatkan pelajar / peserta perempuan bermalam.
- 7.6.9 Lawatan / aktiviti luar yang berkaitan dengan akademik boleh diadakan pada waktu kelas akademik dengan syarat mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengetua.
- 7.6.10 Lain-lain lawatan / aktiviti luar hanya dibenarkan pada hujung minggu atau cuti awam. Lawatan / aktiviti luar ini tidak seharusnya menjejaskan lain-lain aktiviti maktab seperti kelas persediaan dan sebagainya.
- 7.6.11 Setiap permohonan lawatan / aktiviti luar perlu disertakan dengan satu kertas kerja yang mengandungi butir-butir mengenai lawatan tersebut.
- 7.6.12 Bagi lawatan / aktiviti yang memerlukan kenderaan maktab, Borang Permohonan menggunakan Bas / Van Maktab perlu diisi 3 salinan dan diserahkan kepada Kerani Hal Ehwal Pelajar untuk semakan oleh Timbalan Pengetua PP untuk kelulusan.
- 7.6.13 Penggunaan Bas Maktab untuk lawatan / aktiviti luar bandar oleh setiap Homeroom / Kelas / Kelab / Persatuan, perlu disertai oleh sekurang-kurangnya 30 orang pelajar.
- 7.6.14 Sekiranya bas sewa diperlukan, Ketua Guru Pengiring perlu berbincang terlebih dahulu dengan Timbalan Pengetua PP.
- 7.6.15 Ketua Guru Pengiring perlu memastikan segala urusan surat-menyurat dengan pihak-pihak yang terbabit dengan lawatan / aktiviti diuruskan. Bagi aktiviti-aktiviti seperti perkhemahan, guru pengiring perlu menghubungi dan mendapatkan kebenaran daripada pihak polis, renjer dan sebagainya di mana aktiviti berkenaan akan diadakan. Ketua Guru Pengiring juga perlu berhubung dengan Jabatan Kesihatan untuk urusan pencegahan daripada terkena penyakit-penyakit seperti malaria dan sebagainya.
- 7.6.16 Bagi kesemua aktiviti / lawatan luar yang berisiko tinggi surat kebenaran bertulis daripada ibubapa / penjaga diperlukan.

8.0 PERATURAN / URUSAN PELAJAR SAKIT

- 8.1 Pihak maktab akan menghantar pelajar ke hospital / klinik berdekatan. Rakan sebilik mestilah membuat aduan / laporan kepada Guru Asrama bertugas / Ketua Guru Asrama / Timbalan Pengetua PP seberapa segera, apabila terdapat pelajar sakit atau mendapat kemalangan / kesusahan.
- 8.2 Pada sesi pagi pelajar yang hendak ke klinik @ hospital mestilah berurusan dengan kaunselor, selewat-lewatnya pukul 8.20 pagi. Pelajar tidak dibenarkan berehat di asrama atas alasan tidak sihat tanpa mendapat rawatan terlebih dahulu.
- 8.3 Pada sesi petang pelajar akan berurusan dengan kaunselor pada pukul 2.30 petang. Kad Keluar Maktab perlu diletakkan di Pondok Pengawal.
- 8.4 Sebelum pergi ke klinik / hospital, pelajar yang sakit perlu mengisi borang rawatan terlebih dahulu dan mendapatkan kebenaran daripada Kaunselor. Sekiranya kaunselor tiada, perlu berurusan dengan Timbalan Pengetua PP. Pelajar juga perlu mengisi Buku Keluar Maktab bagi tujuan ke hospital / klinik yang terdapat di pejabat.
- 8.5 Surat cuti sakit perlu diserahkan kepada Penyelia Asrama.
- 8.6 Pada sebelah malam, pelajar yang sakit akan berurusan dengan guru asrama bertugas atau Ketua Guru Asrama / Timb Pengetua PP.
- 8.7 Pelajar dibenarkan mendapat rawatan di klinik swasta dengan syarat pelajar membayar segala bil berkaitan.
- 8.8 Van Maktab akan membawa pelajar-pelajar yang perlu rawatan ke hospital / klinik setiap hari persekolahan seperti jadual berikut:

Sesi Pagi	:	8.20 pagi
Sesi Petang	:	2.30 petang
- 8.9 Tidak ada pengiring bagi pelajar yang memerlukan rawatan biasa. Pelajar yang sakit teruk atau dalam keadaan cemas akan diiringi oleh Guru Asrama / Penasihat Homeroom.
- 8.10 Pelajar perlu hadir ke kelas setelah menerima rawatan sekiranya cuti sakit diberi, pelajar boleh berehat di bilik sakit (sick bay).
- 8.11 Pelajar dibenarkan balik ke rumah sekiranya mendapat cuti sakit lebih dari 2 hari, dengan mendapat pengesahan/kebenaran oleh Timbalan Pengetua PP. Biasanya kebenaran pulang akan diberikan sekiranya ibubapa pelajar sendiri datang mengambil anak mereka.
- 8.12 Sekiranya ada pelajar dimasukkan ke wad, pemandu atau pihak yang mengiringi pelajar perlu segera memaklumkan kepada Ketua Guru Asrama/Kaunselor/Timbalan Pengetua/Pengetua.
- 8.13 Kaunselor (waktu akademik) atau Ketua Guru Asrama (waktu bukan akademik) perlu menghubungi keluarga pelajar sekiranya pelajar dimasukkan ke wad. Ketua Guru Asrama atau Guru Asrama berkenaan perlu pastikan surat rawatan bagi pelajar diserahkan ke pihak Hospital dan segala keperluan pelajar seperti pakaian, selipar dan sebagainya di hantar untuk kegunaan pelajar berkenaan.
- 8.14 Pelajar yang berpenyakit berjangkit dikehendaki menghubungi ibu bapa / penjaga untuk pulang ke rumah setelah mendapat pengesahan / rawatan dari doktor dan kebenaran dari Pengetua / Timbalan Pengetua / Ketua Guru Asrama. Urusan pulang ke rumah adalah urusan ibu bapa.
- 8.15 Pelajar yang berpenyakit berjangkit tetapi tidak dapat pulang ke rumah atas sebab-sebab tertentu perlu tinggal di bilik sakit (sick bay) sehingga sembuh. Pelajar tidak dibenarkan berdampingan dengan pelajar-pelajar lain atau melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan penyakit tersebut merebak.

9.0 PERATURAN / TATATERTIB DI ASRAMA / MAKTAB

- 9.1 Para pelajar hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan keceriaan semua kawasan asrama dan Maktab.
- 9.2 Di asrama, para pelajar yang telah ditempatkan di bilik yang disediakan pada hari pendaftaran, tidak dibenarkan memilih atau berpindah mengikut pilihan sendiri kecuali dengan kebenaran bertulis oleh Ketua Guru Asrama atau Timbalan Pengetua PP atas sebab-sebab yang wajar seperti masalah kesihatan, keselamatan dan sebagainya.
- 9.3 Pelajar tidak dibenarkan menggunakan bilik kosong di asrama untuk urusan/kegiatan peribadi atau kumpulan.

- 9.4 Semua kawasan asrama adalah kawasan larangan kepada semua pelajar pada waktu akademik, prep petang, prep malam dan ketika solat Maghrib dan Isya' berjemaah.
- 9.5 Kawasan bukan asrama adalah kawasan larangan bagi setiap pelajar bermula jam 11.00 malam sehingga 6.30 pagi. Ia meliputi semua kawasan Bangunan Akademik (kelas, makmal, pentadbiran, kantin), Dewan Selera dan Pusat Pelajar.
- 9.6 Pelajar putera dan puteri dilarang berada di lereng / tebing bukit belakang asrama.
- 9.7 Segala kerosakan di asrama / maktab disebabkan oleh pelajar akan dikenakan **bayaran gantirugi**. Jika tidak diketahui siapa yang merosakkannya, kesemua pelajar di dalam asrama / maktab bertanggungjawab menggantikannya atau membayar ganti rugi.
- 9.8 Tiada kes-kes kumpulan haram, membuli, mendera, memukul, mengugut, berkelahi, bertumbuk, mencederakan, mencabul kehormatan, menjatuhkan maruah / harga diri orang, memperhambakan, memeras ugut dan sebagainya berlaku.
- 9.9 Tiada kes-kes menyalahgunakan kemudahan / alatan, merosakkan harta benda maktab / awam (vandalism) mencuri, menyeludup keluar dari kolej kediaman / kampus berlaku.
- 9.10 Pelajar tidak dibenarkan menyimpan atau memiliki barang-barang yang berbahaya seperti pisau, pemukul, golok, racun, asid dan sebagainya.
- 9.11 Sebarang bentuk perjudian tidak dibenarkan. Demikian juga bermaain terup.
- 9.12 Pelajar dilarang menyalakan sebarang jenis api / membakar / memasak di asrama atau lain-lain kawasan di maktab kecuali dengan kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua dan diawasi oleh guru.
- 9.13 Pelajar mesti menepati masa untuk apa saja acara majlis atau aktiviti maktab.
- 9.14 Pelajar perlu menghormati apa saja acara / aktiviti / majlis dengan memberi tumpuan dan tidak membuat bising semasa aktiviti berjalan.
- 9.15 Pada hari persekolahan ke semua pelajar mesti berada di kawasan akademik selewat-lewatnya pada jam 7.20 pagi. Asrama mesti dikosongkan semasa kelas akademik, prep petang dan prep malam, waktu solat dan waktu-waktu lain yang ditetapkan oleh pihak maktab.
- 9.16 Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada bila-bila masa waktu akademik (termasuk waktu rehat), waktu prep petang dan waktu prep malam.
- 9.17 Para pelajar dilarang membawa balik ke asrama sebarang makanan atau peralatan dapur. Hanya makanan kering sahaja dibenarkan di bawa ke asrama.
- 9.18 Pelajar dilarang membawa atau membenarkan orang luar (termasuk bekas pelajar, pelawat, tetamu, pelajar yang dikenakan hukuman gantung/singkir dan sebagainya) memasuki kawasan asrama atau lain-lain kawasan di maktab.
- 9.19 Dilarang mengalih / mengubah / memecah / bermain-main dengan alatan atau system pencegahan kebakaran yang disediakan.
- 9.20 Sebarang bahan lucah tidak boleh di bawa ke asrama / maktab.
- 9.21 Pelajar hendaklah sentiasa menghormati semua staf di asrama / maktab dan tidak boleh dengan apa cara sekalipun menghalang tugas mereka.
- 9.22 Pelajar putera dilarang berada di kawasan asrama puteri dan pelajar puteri dilarang berada di kawasan asrama putera sepanjang masa.
- 9.23 Pelajar sesuatu asrama tidak dibenarkan berada di asrama lain tanpa kebenaran daripada Ketua Guru Asrama / Guru Asrama.
- 9.24 Tiada kes-kes sumbang berlaku antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ataupun di antara pelajar sesama jantina.
- 9.25 Pelajar dilarang membawa alat permainan yang berisiko seperti 'skate board', kasut roda dan sebagainya.
- 9.26 Pelajar hendaklah menentukan semua suis elektrik seperti lampu dan kipas dimatikan (off) sebelum keluar daripada asrama / kelas. Tindakan akan dikenakan kepada ahli-ahli bilik yang tidak menutup lampu dan kipas.
- 9.27 Pastikan paip-paip air ditutup selepas digunakan. Kipas dan lampu di bilik mesti ditutup sebaik sahaja mengosongkan bilik. Tindakan boleh diambil terhadap penghuni yang ingkar.
- 9.28 Semasa cuti semester, semua almari dan bilik di asrama dan bilik kelas hendaklah dikosongkan. Pihak asrama tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan barang di asrama semasa bercuti.
- 9.29 Pelajar dilarang menimbulkan sebarang isu sensitive yang boleh menyinggung perasaan orang lain.
- 9.30 Pelajar dilarang mempamerkan lambang sebarang parti politik di asrama atau lain-lain kawasan di maktab.

- 9.31 Pelajar tidak dibenarkan sama sekali tidur di bilik pelajar lain selepas 11.45 malam / lampu ditutup. Tindakan disiplin boleh diambil terhadap pelajar yang ingkar peraturan.
- 9.32 Pelajar dilarang membawa / masak / makan mee segera (Maggie dan sebagainya) di dalam kawasan maktab.
- 9.33 Kategori bahan-bahan bacaan dibenarkan dibawa / dimiliki / disimpan pelajar adalah seperti berikut:
 - 9.3.1 Buku-buku selain daripada akademik yang berbentuk pengetahuan umum atau kreatif seperti buku berkonsepkan agama, sosial, sains dan teknologi dan sebagainya.
 - 9.3.2 Majalah-majalah yang berbentuk pengetahuan umum seperti yang berkonsepkan sukan, isu semasa, kejuruteraan, pemotoran, kenderaan dan sebagainya. Pastikan majalah tersebut tiada unsur sampingan lain yang bersifat negatif.
 - 9.3.3 Majalah-majalah yang berunsurkan pendidikan dan membangunkan minda seperti Dewan Siswa, Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Dewan Kosmik, Pelita Bahasa, Majalah PC, Al-Islam, Asuh, Anak-Anak Sidek dan seumpamanya.
- 9.4 Kategori bahan bacaan yang dilarang dibawa / dimiliki / disimpan oleh pelajar:
 - 9.4.1 Bahan bacaan yang tidak memberi manfaat kepada proses pembelajaran mereka seperti majalah hiburan URTV, Media, Mangga dan sebagainya.
 - 9.4.2 Bahan bacaan yang memberi kesan negatif kepada pemikiran, emosi dan perwatakan pelajar seperti berbentuk komik dan Humor U-topia, Gila-Gila, Dewata Raya, Ujang, Gempak dan seumpamanya.
 - 9.4.3 Bahan bacaan yang berunsur seks, tahyul, seram, ganas dan cinta seperti novel Rhythm, Romancefiction dan sebagainya.

10 KEBERSIHAN DAN KEKEMASAN BILIK / ASRAMA

- 10.1 Bilik mestilah sentiasa kemas dan bersih. Pelajar hendaklah sentiasa menyusun dan mengemas bilik dan tempat tidur sebelum keluar daripada asrama.
- 10.2 Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari, TV dan sebagainya tidak boleh diubah tanpa kebenaran Ketua Guru Asrama / Guru Asrama.
- 10.3 Kad tanda bilik (almari tag) mesti dilekatkan di almari.
- 10.4 Barang-barang seperti buku dan alatan lain hendaklah disusun dengan kemas.
- 10.5 Sampah sarap dibuang di tempat yang disediakan.
- 10.6 Gambar dan poster yang dibenarkan oleh pihak maktab sahaja boleh ditampalkan di dinding.
- 10.7 Cadar dan sarung bantal maktab hendaklah sentiasa bersih dan dipasang dengan kemas.
- 10.8 Pelajar diwajibkan untuk memasang sarung tilam sebelum diletakkan cadar. Ia bertujuan untuk memastikan pelajar menjaga tilam dengan baik.
- 10.9 Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- 10.10 Pakaian yang kering hendaklah dilipat dengan kemas dan disimpan di dalam almari.
- 10.11 Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan.
- 10.12 Pakaian yang disidai di ampaian mestilah diangkat setelah kering. Pakaian yang jatuh hendaklah diambil segera.
- 10.13 Barang-barang seperti bag, kotak, kasut, tin, botol dan sebagainya tidak dibenarkan diletak di atas almari, kecuali bacaan.
- 10.14 Kasut hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan.
- 10.15 Dilarang meletak buku, kain basahan, baju dan sebagainya di cermin tingkap, katil atau almari.
- 10.16 Selain daripada bilik, kebersihan bilik mandi, surau, bilik rehat dan lain-lain kawasan di dalam dan di luar asrama adalah tanggungjawab bersama pelajar.
- 10.17 Tidak dibenarkan merendam pakaian / kasut di dalam sinki.
- 10.18 Dilarang menggunting rambut di dalam bilik, bilik rehat, koridor ataupun tandas di asrama. Kawasan luar bangunan boleh digunakan. Pastikan kawasan tersebut dibersihkan selepas rambut digunting.
- 10.19 Pemeriksaan asrama akan dijalankan dari masa ke semasa oleh Guru Asrama.
- 10.20 Gotong royong dan pemeriksaan rasmi asrama akan diadakan pada setiap pagi Ahad (atau lain-lain masa) oleh Guru-Guru Asrama.
- 10.21 Kekemasan bilik :

Bilik tidur, katil, almari dan sebagainya mestilah bersih dan sentiasa kelihatan kemas khasnya ketika pelajar tiada di dalam bilik. Elakkan daripada melakukan kesalahan-kesalahan berikut:

- a) Cadar: Tiada cadar / warna tidak mengikut warna yang disyaratkan / tidak memasang cadar dengan betul dan kemas / kotor.
- b) Selimut: Tidak dilipat / tidak diletakkan di tempat yang sepatutnya / kotor.
- c) Tuala: Tidak disidai di tempatnya / kotor.
- d) Kasut: Tidak diletakkan di tempatnya / tidak disusun rapi / kotor / berbau.
- e) Stokin: Tidak diletakkan di tempatnya / bersepah / kotor / busuk.
- f) Buku / Alatulis: Tidak disusun kemas di tempatnya / bersepah / tidak dijaga.
- g) Pakaian: Tidak dibasuh / tidak tersusun / tidak diletakkan di tempat yang sepatutnya dengan kemas / bersepah / ikut suka.
- h) Alatan Sukan: Terdapat alat sukan bersepah / tidak dikembalikan ke stor (alatan kepunyaan Maktab) di dalam bilik / domitri / blok asrama.
- i) Bekas Makanan: Terdapat bekas makanan kepunyaan Maktab (tray, cawan dan lain-lain) atau kepunyaan persendirian bersepah / tidak dibersihkan di dalam bilik / domitri / blok asrama.
- j) Bilik Mandi: Terdapat pakaian, tuala, kotoran (yang dibawa masuk atau disebabkan oleh pelajar), berus gigi, sabun, bekas-bekas dan sebagainya bersepah di dalam bilik mandi.

11 PERATURAN "LIGHTS-OFF" (PADAM LAMPU)

- 11.1 Lampu mesti dipadamkan pada jam 11.45 malam.
- 11.2 Pelajar tidak dibenarkan berbual-bual, berjalan-jalan, merayau-rayau atau keluar daripada asrama selepas lampu dipadamkan.
- 11.3 Pelajar yang ingin mengulangkaji pelajaran boleh menggunakan bilik utiliti.

12 KESELAMATAN WANG / HARTA BENDA

- 12.1 Wang Tunai
 - 12.1.1 Pelajar dilarang menyimpan atau meninggalkan apa jua barang berharga seperti barangan kemas dan wang ringgit di asrama.
 - 12.1.2 Pelajar tidak dibenarkan menyimpan sendiri wang tunai lebih daripada RM 20.00.
 - 12.1.3 Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan di dalam bank. Sekiranya wang tunai tersebut perlu digunakan dalam tempoh terdekat, pelajar boleh meminta bantuan daripada Penasihat Homeroom, Guru Asrama atau sebaik-baiknya di Bank Simpanan Nasional (menggunakan perkhidmatan EBB di koperasi).
 - 12.1.4 Keselamatan / kehilangan wang pelajar adalah tanggungjawab pelajar sendiri.
 - 12.1.5 Pelajar tidak digalakkan memiliki atau menggunakan pakaian / alatan mahal / berharga (tidak wajar / tidak perlu dipakai oleh seseorang pelajar).
- 12.2 Kad ATM
 - 12.2.1 Semua kad ATM mesti disimpan di tempat yang selamat.
 - 12.2.2 Jangan simpan nombor PIN bersama dengan kad ATM.
 - 12.2.3 Jangan minta bantuan orang lain untuk mengeluarkan wang dengan kad ATM kecuali Penasihat Homeroom atau lain-lain guru yang dikenali.
 - 12.2.4 Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera ke pihak bank.
- 12.3 Adalah menjadi tanggungjawab pelajar sendiri untuk menjaga barang-barangnya daripada hilang atau dicuri.

13 PENGGUNAAN ALAT ELEKTRIK DAN KOMUNIKASI

- 13.1 Pelajar dilarang memiliki, menyimpan atau menggunakan alat elektrik persendirian dengan tanpa kebenaran.

- 13.2 Pelajar dilarang membawa atau menggunakan alat elektrik persendirian seperti seterika, violin, gitar, piano, dapur cerek, pemanas, pembakar, alat pengecas bateri kecuali telah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak pentadbir maktab.
- 13.3 Pelajar dilarang membawa atau menggunakan radio, perakam kaset, pemain cakera padat, permainan video, kereta kawalan jauh, komputer peribadi, permainan elektronik, kamera digital dan sebagainya.
- 13.4 Pelajar juga dilarang membawa dan menyimpan tali kaset (tape) yang berunsur lucah, tahyul, pemujaan, mengandungi perkataan tidak bermoral dan merosakkan akidah seperti berunsur "black metal" / "disifatkan "heavy metal". Begitu juga semua bentuk video tape, cakera padat (CD/VCD/DVD) adalah ditegah dibawa ke maktab kecuali berunsur pendidikan.
- 13.5 Radio "Walkman" tanpa speaker yang menggunakan kuasa bateri boleh dibawa dan digunakan di kawasan asrama sahaja.
- 13.6 Pelajar dilarang membuat sebarang sambungan letrik secara sulit / haram.
- 13.7 Peralatan elektrik yang disediakan oleh Maktab seperti seterika mesti digunakan dengan baik dan mengikut peraturan yang ditetapkan.
- 13.8 Seterika dan cerek boleh digunakan di bilik yang dikhaskan sahaja (bilik utiliti). Pastikan semua suis dimatikan (off) selepas menggunakan alat tersebut atau sebelum meninggalkan asrama.
- 13.9 Plug perlu ditanggalkan dari soket setelah digunakan. Jangan guna sebarang alat elektrik semasa kilat.
- 13.10 Jangan guna alat elektrik yang rosak. Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada Guru Asrama. Jangan cuba membaikinya sendiri.
- 13.11 Jangan sentuh sebarang alat elektrik yang sedang digunakan dengan tangan yang basah. Ganti rugi boleh dikenakan kepada semua ahli aras yang menghilangkan alatan elektrik yang dipinjamkan.
- 13.12 Pelajar bukan sahaja akan dihukum, bahkan pihak Maktab tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa kemalangan akibat melanggar peraturan-peraturan di atas.
- 13.13 Sekiranya pelajar gagal mematuhi peraturan di atas maka Guru Asrama akan merampas barang elektrik tersebut.
- 13.14 Pelajar tidak dibenarkan untuk membawa MP4.
- 13.15 MP3 yang dibenarkan hanyalah MP3 yang tidak menggunakan bateri 'rechargeable'.
- 13.16 Semua peralatan elektrik yang dibenarkan mesti didaftarkan dengan Timbalan Pengetua PP. Satu sticker akan diletakkan pada peralatan tersebut. Pendaftaran akan dikenakan caj.

13.17 PERATURAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT OLEH PELAJAR

- 13.17.1 Set telefon bimbit hendaklah didaftarkan dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar MRSM Pasir Salak.
- 13.17.2 Bayaran sebanyak RM 20.00 setahun akan dikenakan bagi set telefon bimbit. Bayaran ini adalah untuk kos pengurusan (pelekat, resit, dll), kos elektrik serta lain-lain kos yang berkaitan.
- 13.17.3 Pelajar hanya dibenarkan mendaftar / membawa / menggunakan SATU telefon bimbit dan telah berdaftar serta mempunyai *pelekat pengesahan maktab* sahaja.
- 13.17.4 Spesifikasi telefon bimbit yang dibenarkan adalah telefon bimbit yang TIDAK MEMPUNYAI ciri-ciri kamera, fungsi muzik dan kad memori.
- 13.17.5 Penggunaan telefon bimbit hanya dibenarkan di **ASRAMA SAHAJA**.
- 13.17.6 Waktu larangan penggunaan telefon bimbit:
 - a) Waktu persekolahan / sesi akademik.
 - b) Waktu kelas persediaan pagi, petang dan malam.
 - c) Waktu majlis rasmi (perhimpunan, ceramah, kelas tambahan dan seumpamanya).
 - d) Waktu di antara jam 11.30 malam hingga 6.00 pagi (Sabtu & Ahad)
- 13.17.7 Tempat untuk mengecas telefon bimbit adalah di kawasan asrama yang berplug sahaja. Pelajar TIDAK DIBENARKAN untuk mengecas telefon bimbit di blok pentadbiran, akademik, surau, dewan, kiosk PUM dan PSP.
- 13.17.8 Pelajar TIDAK DIBENARKAN sama sekali membuat penyambungan wayar secara haram pada alat kelengkapan elektrik untuk mengecas telefon bimbit.

- 13.17.9 Penggunaan telefon bimbit adalah tanggungjawab pihak pelajar sendiri. Pihak maktab TIDAK akan bertanggungjawab ke atas apa-apa jua kerosakan, kehilangan atau akibat daripada penggunaan tersebut.
- 13.17.10 Pihak maktab TIDAK akan bertanggungjawab, menanggung kos atau terbeban atas apa jua jenis kemalangan atau musibah akibat daripada penggunaan telefon bimbit oleh pihak pelajar.
- 13.17.11 Pihak maktab berkuasa / berhak / boleh mengambil tindakan bagi penggunaan telefon bimbit yang difikirkan TIDAK BERMORAL atau MELANGGAR SYARAT dan peraturan penggunaan telefon bimbit serta maktab. Antaranya:
- a) Mengandungi unsur-unsur lucah atau tidak bermal (cth: black metal) sama ada dalam bentuk teks / gambar / video / audio.
 - b) Mengandungi unsur-unsur mencaci / memalukan / menjatuhkan / mengugut / mengancam keselamatan maktab, pihak pengurusan, guru-guru dan kakitangan.
 - c) Merancang penceroboh kawasan larangan, perjumpaan di antara berlainan jantina atau perancangan untuk mencuri, memukul, bergaduh, mengugut dan seumpamanya.
 - d) Menyalin, menyimpan dan menyebarkan gambar orang yang berlainan jantina atau gambar-gambar sendiri yang tidak menutup aurat / menjolok mata / berkelakuan tidak senonoh dan tidak sopan.
 - e) Pihak maktab BERHAK untuk mengambil telefon bimbit pelajar bagi tujuan pemeriksaan tanpa perlu kebenaran atau dimaklumkan atau sebaliknya kepada pemiliknya pada bila-bila masa atau tempat yang difikirkan perlu.
 - f) Pemilik telefon bimbit adalah TERTAKLUK kepada sebarang perubahan peraturan penggunaan telefon bimbit dari masa ke masa.
 - g) Penggubalan / penguatkuasaan peraturan-peraturan baru adalah dibawah takluk kuasa maktab. Penggubalan / penguatkuasaan mana-mana peraturan yang difikirkan perlu boleh dilakukan TANPA perlu mendapatkan persetujuan atau memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak terlibat.

AMARAN!

JIKA PELAJAR DIDAPATI MELANGGAR PERATURAN DI ATAS ATAU MENYALAHGUNAKAN KEMUDAHAN INI, SET TELEFON BIMBIT AKAN DIRAMPAS DAN HANYA AKAN DIKEMBALIKAN SETELAH TAMAT TEMPOH PENGAJIAN DAN KEBENARAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT BOLEH DITARIK BALIK.

14 KESELAMATAN UMUM

- 14.1 Penggunaan lingkaran ubat nyamuk, pelita dan lilin tidak dibenarkan.
- 14.2 Setiap penghuni asrama seharusnya tahu menggunakan alat pemadam api sekiranya berlaku kebakaran.
- 14.3 Sekiranya pelajar mendengar isyarat berlaku kebakaran / terhidu bau asap / nampak api menyala, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyelamatkan diri sendiri dan rakan-rakan. Segera beri amaran dengan menjerit sekuat mungkin perkataan "api...api...api...".
- 14.4 Sila hubungi segera Bomba / Guru Asrama / Ketua Guru Asrama / Pengawal.
- 14.5 Selamatkan barang-barang yang berharga seperti kad pengenalan, sijil-sijil penting, buku, wang dan sebagainya. Jika kebakaran sudah marak, jangan hiraukan barang-barang tersebut. Keselamatan diri adalah lebih penting.
- 14.6 Sekiranya ada rakan yang tidak berupaya untuk bergerak keluar disebabkan pengsan, cedera dan sebagainya, sila bantu beramai-ramai.
- 14.7 Keluar daripada asrama dengan menggunakan pintu yang terdekat.
- 14.8 Kesemua pelajar perlu berkumpul di gelanggang permainan berhadapan dengan Rumah Pengetua dan Timbalan Pengetua.
- 14.9 Ketua Wing perlu pastikan kesemua penghuni wing / domnya ada. Sekiranya ada yang tidak ada, segera maklumkan kepada Guru Asrama / Ketua Guru Asrama.
- 14.10 Bagi lain-lain kecemasan yang bukan berkaitan kebakaran, sila hubungi Guru Asrama / Ketua Guru Asrama untuk mendapatkan bantuan.

15 BILIK UTILITI

- 15.1 Bilik ini adalah untuk penggunaan seterika.
- 15.2 Alatan tersebut hendaklah sentiasa berada di dalam bilik utility dan adalah menjadi satu kesalahan sekiranya pelajar cuba meletakkan / mengguna alatan ini di tempat lain.
- 15.3 Pastikan suis alatan tersebut ditutup (off) dan ditanggalkan daripada soket plug selepas penggunaannya.
- 15.4 Kebersihan dan kekemasan bilik utility adalah tanggungjawab bersama kesemua penghuni asrama berkenaan.

16 TATATERTIB DI DEWAN SELERA

- 16.1 Beratur seasa mengambil makanan. Dilarang potong memotong.
- 16.2 Sistem 'booking' tidak dibenarkan.
- 16.3 Sentiasa menjaga kebersihan Dewan Selera. Sisa-sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- 16.4 Kerusi / bangku hendaklah disusun semula selepas digunakan.
- 16.5 Pakaian di Dewan Selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pakaian Dewan Selera.
- 16.6 Pelajar dilarang membawa sebarang alatan atau makanan keluar dari Dewan Selera tanpa kebenaran daripada pihak Pengurusan Dewan Selera terlebih dahulu.
- 16.7 Pelajar dilarang masuk ke dalam dapur atau kaunter agihan makanan.
- 16.8 Buku-buku dan lain-lain alat / barang hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan.
- 16.9 Sisa makanan hendaklah dibuang di dalam tong yang disediakan.
- 16.10 Pinggan, mangkuk, cawan dan lain-lain bekas makan hendaklah diletak di tempat yang disediakan selepas makan.
- 16.11 Kebersihan Dewan Selera adalah tanggungjawab pelajar bersama.
- 16.12 Pelajar hendaklah berpakaian kemas di Dewan Selera. Mereka dilarang memakai pakaian tersebut:
 - 16.12.1 Memakai selipar jepun
 - 16.12.2 Baju T tanpa kolar dan sebarang baju nipis dan mencolok mata
 - 16.12.3 Memakai seluar jeans
 - 16.12.4 Sebarang jenis baju berlogo kurang sopan
 - 16.12.5 Pakaian sukan yang kotor
 - 16.12.6 Seluar pendek dan pakaian tidur

17 PERATURAN SEMBAHYANG MAGHRIB / PENGGUNAAN SURAU / MAJLIS KEAGAMAAN DI SURAU

- 17.1 Kesemua pelajar mesti sembahyang Maghrib, Isyak dan Subuh berjemaah di Surau maktab kecuali dengan kebenaran Ketua Guru Asrama / Guru Asrama bertugas.
- 17.2 Bagi solat Zohor dan Asar, pelajar amat digalakkan untuk solat jemaah di Surau.
- 17.3 Pakaian mestilah mengikut kod pakaian yang ditetapkan. Pelajar perempuan mesti memakai baju kurung.
- 17.4 Para pelajar mesti hadir semua majlis keagamaan yang diwajibkan.
- 17.5 Pastikan suis kipas, lampu dan PA sistem ditutup selepas digunakan.
- 17.6 Surau maktab tidak boleh dijadikan tempat berehat, tidur, belajar dan sebagainya.
- 17.7 Para pelajar tidak dibenarkan berada di surau semasa prep atau semasa lain-lain kegiatan akademik / bukan akademik.

18 PERATURAN PENGGUNAAN DEWAN BESAR / BILIK SEMINAR

- 18.1 Untuk menggunakan Dewan Besar, kebenaran mesti diperolehi terlebih dahulu daripada Pengetua / Timbalan Pengetua / Penolong Pegawai Tadbir.
- 18.2 Dewan Besar boleh digunakan untuk permainan, pementasan atau ceramah.
- 18.3 Permohonan penggunaan Dewan Besar perlu dibuat di pejabat dengan mengisi Borang Tempahan Dewan, seminggu sebelum tarikh penggunaan. Borang tersebut perlu diserahkan di pejabat Maktab.

- 18.4 Guru Penasihat dan pelajar-pelajar yang terlibat bertanggungjawab atas kekemasan dan kebersihan selepas penggunaannya.
- 18.5 Guru Penasihat dan pelajar-pelajar yang terlibat adalah juga bertanggungjawab ke atas keselamatan harta benda di dalam dewan.
- 18.6 Pastikan semua lampu, kipas, hawa dingin, PA sistem dipadamkan dan pintu dikunci selepas penggunaannya.

19 PENGGUNAAN BILIK-BILIK KHAS

- 19.1 Bilik-bilik khas ditakrifkan sebagai bilik-bilik yang telah dikhaskan bagi sesuatu tujuan seperti bilik komputer, perpustakaan, gim, makmal dan sebagainya.
- 19.2 Bilik-bilik ini hanya boleh digunakan dengan kebenaran khas guru atau pegawai yang menyelia perkara berkenaan.
- 19.3 Peraturan penggunaan bilik-bilik tersebut seperti yang dikeluarkan oleh guru / pegawai berkenaan hendaklah dipatuhi.

20 PENGGUNAAN BAS / VAN MAKTAB

- 20.1 Bas dan van maktab boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti akademik, kokuriikulum dan lawatan riadah.
- 20.2 Borang permohonan untuk menggunakan bas / van maktab perlu diisi dalam 2 salinan dan diserahkan kepada kerani di pejabat untuk semakan dan Timbalan Pengetua untuk kelulusan.
- 20.3 Untuk lawatan / aktiviti luar, penggunaan bas / van dibenarkan. Setiap homeroom / kelas / persatuan dibenarkan menggunakan bas maktab bagi setiap lawatan / aktiviti ini perlu disertai oleh sekurang-kurangnya 30 orang pelajar.
- 20.4 Semasa menggunakan bas / van maktab, pelajar hendaklah bersopan santun dan mengikut nasihat Guru Pengiring.
- 20.5 Kebersihan bas / van maktab adalah tanggungjawab pelajar.
- 20.6 Pihak Maktab berhak menolak atau membatalkan sebarang permohonan penggunaan van / bas.

21 PERATURAN MENONTON TELEVISYEN

- 21.1 Jadual menonton TV yang dibenarkan:

HARI	MASA		
	PAGI	PETANG	MALAM
ISNIN	X	X	X
SELASA	X	X	X
RABU	X	X	X
KHAMIS	X	X	X
JUMAAT	X	X	X
SABTU	11.00 pg – 1.00 ptg	2.00 ptg – 6.30 ptg	9.00 mlm – 11.00 mlm
AHAD	11.00 pg – 1.00 ptg	2.00 ptg – 6.30 ptg	X
CUTI UMUM	9.00 pg – 1.00 ptg	2.00 ptg – 6.30 ptg	X

- 21.2 Para pelajar dikehendaki menjaga keselamatan TV agar tidak rosak dan sebarang kerosakan akan mengambil masa lama untuk dibaiki. Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan kepada Guru Asrama atau Jurutera Elektronik.

- 21.3 Para pelajar dikehendaki “MENUTUP SUIS TV SERTA MERTA” sekiranya terdapat kilat atau petir.
- 21.4 Pelajar dilarang menonton menggunakan DVD / VCD / VHS kecuali dengan pengawasan guru. Sekiranya ingkar barangan tersebut akan dirampas dan tidak akan dipulangkan.

22 PERATURAN SUKAN RIADAH

- 22.1 Peraturan menggunakan alat sukan
- 22.1.1 Pinjaman alat sukan boleh dilakukan pada setiap hari jam 5.00 – 5.15 petang (selepas solat asar).
- 22.1.2 Alat sukan mesti disimpan antara 6.15 – 6.30 petang.
- 22.1.3 Alat sukan mesti disimpan di tempat asalnya dalam keadaan yang kemas dan disahkan oleh pengawas stor sukan bertugas.
- 22.1.4 Alat sukan tidak boleh disimpan di asrama atau di tempat-tempat lain selain daripada stor sukan dan tempat khas.
- 22.1.5 Alat sukan tidak boleh digunakan dalam hujan / kawasan berair.
- 22.1.6 Kerosakan daripada kehilangan alat semasa bermain mesti dilaporkan kepada guru pengawas permainan atau kepada pengawas stor sukan yang bertugas untuk diajukan kepada Guru Pengawas Sukan.
- 22.2 Tindakan akan diambil ke atas:
- 22.2.1 Pelajar-pelajar yang merosakkan dan menghilangkan alat sukan maktab.
- 22.2.2 Pelajar-pelajar yang tidak mematuhi peraturan di atas.
- 22.3 Perkara yang tidak digalakkan semasa bersukan:
- 22.3.1 Membawa dompet
- 22.3.2 Bercermin mata
- 22.4 Tatatertib pemain (untuk sebarang latihan):
- 22.4.1 Pelajar dikehendaki mengikut latihan pada masa yang telah ditetapkan.
- 22.4.2 Kelewatan menghadiri latihan tanpa sebab yang munasabah akan diambil tindakan tatatertib.
- 22.4.3 Tiga (3) kali tidak menghadiri latihan tanpa kebenaran Guru Pengawas, pelajar berkenaan akan disingkirkan dari menyertai sesuatu pasukan permainan di Maktab sepanjang tahun.
- 22.4.4 Tindakan boleh diambil terhadap pelajar-pelajar yang bermain melebihi masa yang ditetapkan mengikut perkara 22.5 di bawah.
- 22.5 Waktu riadah:

HARI	PAGI	PETANG	MALAM
Isnin – Jumaat	X	5.00 – 6.30	X
Sabtu	X	2.00 – 6.30	9.00 – 10.30 malam *sekiranya tiada aktiviti di surau / oleh BWP
Ahad & Cuti Umum	11.00 – 1.00 ptg	2.00 – 6.30	X

** Bergantung kepada waktu solat asar dan solat maghrib

**JADUAL AKTIVITI HARIAN PELAJAR
MRSM PASIR SALAK**

HARI ISNIN – KHAMIS

MASA	AKTIVITI/ TINDAKAN
5.30 am – 6.45 am	Bangun tidur, kemas diri, solat dan kemas bilik
6.45 am – 7.15 am	Sarapan pagi
7.15 am – 7.30 am	Perhimpunan pagi (makluman, renungan dan doa)
7.30 am – 2.00 pm	Sesi akademik
2.00 pm – 3.15 pm	Makan tengahari dan Solat Zuhur
3.15 pm – 4.30 pm	Kelas persediaan petang (prep) / perjumpaan homeroom / perhimpunan guru dan pelajar / badan uniform
4.30 pm – 5.00 pm	Solat Asar & minum petang
5.00 pm – 6.30 pm	Riadah / sukan / kelab
6.30 pm – 7.00 pm	Makan malam, kemas diri, persediaan solat
7.00 pm – 8.45 pm	Solat Maghrib berjemaah, mini ulul albab / tazkirah & Solat Isyak berjemaah
8.45 pm – 10.45 pm	Kelas persediaan malam (prep)
10.45 pm – 11.00 pm	Minum malam
11.00 pm – 11.15 pm	Roll Call
11.15 pm – 11.45 pm	Kemas bilik
11.45 pm	Tutup lampu dan tidur

HARI JUMAAT

MASA	AKTIVITI/ TINDAKAN
5.30 am – 6.45 am	Bangun tidur, kemas diri, solat dan kemas bilik
6.45 am – 7.15 am	Sarapan pagi
7.15 am – 7.30 am	Perhimpunan pagi (makluman, renungan dan doa)
7.30 am – 12.40 pm	Sesi akademik
12.40 pm	Perhimpunan (roll call) untuk ke Solat Jumaat
12.50 pm – 2.15 pm	Solat Jumaat
12.15 pm – 1.00 pm	Pelajar Puteri : Kuliyyah Fardhu Ain / SSDP
1.00 pm – 2.00 pm	Makan tengahari bagi pelajar Puteri
2.15 pm – 3.15 pm	Makan tengahari bagi pelajar Putera
3.15 pm – 4.30 pm	Kelas persediaan petang (prep)
4.30 pm – 5.00 pm	Solat Asar & minum petang
5.00 pm – 6.30 pm	Riadah
6.30 pm – 7.00 pm	Makan malam, kemas diri, persediaan solat
7.00 pm – 8.45 pm	Solat Maghrib berjemaah, tazkirah & Solat Isyak berjemaah
8.45 pm – 10.45 pm	Kelas persediaan malam (prep)
10.45 pm – 11.00 pm	Minum malam
11.00 pm – 11.15 pm	Roll Call
11.15 pm – 11.45 pm	Kemas bilik
11.45 pm	Tutup lampu dan tidur

HARI SABTU

MASA	AKTIVITI/ TINDAKAN
5.30 am – 6.45 am	Bangun tidur, kemas diri, solat dan kemas bilik
6.45 am – 7.30 am	Sarapan pagi
7.30 am – 8.00 am	Kemas bilik dan bersiap untuk prep pagi
8.00 am – 8.30 am	Roll call pagi (makluman, renungan dan doa)
8.30 am – 10.30 am	Kelas Quran / Program Gemilang
10.30 am – 11.00 am	Minum pagi
11.00 am – 12.30 pm	Aktiviti bebas
12.30 pm – 1.30 pm	Makan tengahari
1.30 pm – 2.00 pm	Solat Zuhur
2.00 pm – 4.00 pm	Aktiviti bebas
4.00 pm – 4.30 pm	Minum petang
4.30 pm – 5.15 pm	Solat Asar
5.15 pm – 6.30 pm	Riadah
6.30 pm – 7.00 pm	Makan malam, kemas diri, persediaan Solat Maghrib
7.00 pm – 8.30 pm	Solat Maghrib berjemaah, aktiviti surau
8.30 pm – 9.00 pm	Solat Isyak berjemaah
9.00 pm – 10.00 pm	Aktiviti bebas
10.00 pm – 10.30 pm	Minum malam
11.00 pm – 11.45 pm	Kemas bilik
11.45 pm	Tutup lampu dan tidur

HARI AHAD

MASA	AKTIVITI/ TINDAKAN
5.30 am – 6.45 am	Bangun tidur, kemas diri, solat dan kemas bilik
6.45 am – 7.30 am	Sarapan pagi
7.30 am – 8.00 am	Kemas bilik
8.00 am – 10.30 am	Gotong-royong, pemeriksaan bilik, aras dan bilik air dan persekitaran asrama
10.30 am – 11.00 am	Minum pagi
11.00 am – 12.30 pm	Aktiviti bebas
12.30 pm – 1.30 pm	Makan tengahari
1.30 pm – 2.00 pm	Solat Zuhur
2.00 pm – 4.00 pm	Aktiviti bebas
4.00 pm – 4.30 pm	Minum petang
4.30 pm – 5.15 pm	Solat Asar
5.15 pm – 6.30 pm	Riadah
6.30 pm – 7.00 pm	Makan malam, kemas diri, persediaan Solat Maghrib
7.00 pm – 8.45 pm	Solat Maghrib berjemaah, mini ulul albab / tazkirah dan Solat Isyak berjemaah
8.45 pm – 10.045 pm	Kelas persediaan malam (prep)
10.45 pm – 11.00 pm	Minum malam
11.00 pm – 11.15 pm	Roll call
11.15 pm – 11.45 pm	Kemas bilik
11.45 pm	Tutup lampu dan tidur